

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

**PHARMANIAGA DAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
TANDATANGANI PERJANJIAN UNTUK BANGUNKAN PROJEK
MADU KELULUT SECARA KOMERSIAL**

PETALING JAYA, 9 April 2021: Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) hari ini bersetuju untuk berusahasama membangunkan projek madu kelulut secara saintifik dan komersial.

Projek ini juga akan membuka peluang penyertaan kepada golongan B40, terutamanya pesara tentera yang akan diberi modal dan latihan kemahiran untuk mengusahakan ladang kelulut mengikut standard Amalan Pertanian Baik (GAP) bagi menjamin kualiti terbaik madu kelulut untuk pengguna.

Usahasama ini dimeterai melalui Perjanjian Kolaborasi yang ditandatangani oleh Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga Datuk Zulkarnain Md Eusope, manakala UMT diwakili oleh Naib Canselor Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Mokhtar. Turut hadir menyaksikan perjanjian usahasama ini adalah Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Melalui perjanjian ini, Pharmaniaga dan UMT akan bekerjasama rapat untuk mengkomersialkan madu kelulut pada skala besar, meningkatkan taraf sosioekonomi penternak madu kelulut dan juga menyediakan geran untuk membantu komuniti tempatan mengembangkan perniagaan madu kelulut.

Datuk Zulkarnain berkata Pharmaniaga akan menyertai Perniagaan Gaya Hidup Sihat dengan memproses dan memasarkan madu kelulut berkualiti tinggi hasil daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D) tenaga pakar UMT.

“Kami memilih madu kelulut kerana kajian menunjukkan industri ternakan kelulut di Malaysia sangat berpotensi dengan pulangan lumayan sekiranya ia terus dikembangkan dan dimajukan secara komersial.

“Namun pengeluaran ketika ini masih lagi terlalu kecil berbanding dengan permintaan yang dilaporkan sebanyak 6 kali ganda. Ini membuktikan industri ternakan kelulut di Malaysia boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi di kalangan pengusahanya,” katanya.

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

Beliau berkata, Pharmaniaga sebagai sebuah syarikat yang pemegang saham utamanya adalah Boustead Holdings Berhad dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), akan membuka peluang penyertaan kepada pesara tentera untuk bersama-sama membangunkan projek madu kelulut ini.

“Penternakan madu kelulut berupaya untuk memberi pulangan yang lumayan dan kita akan membuka peluang ini kepada mereka yang berminat dari golongan B40, terutamanya pesara tentera.

“Kita akan bantu mereka dari segi modal dan sediakan latihan kemahiran supaya dapat mengusahakan ladang kelulut mengikut GAP supaya dapat membekalkan madu kelulut kepada Pharmaniaga untuk diproses dan dikomersialkan pada skala yang besar.

“Tanah seluas 81 hektar di Bukit Kor, Terengganu milik UMT akan dibangunkan untuk projek ini dan buat permulaan UMT akan membekalkan minimum 300kg madu kelulut setiap bulan dan jumlah ini akan bertambah apabila projek ini kita akan kembangkan kepada lebih ramai penternak madu kelulut di seluruh negara,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMT Profesor Dato' Dr Nor Aieni berkata universiti itu mempunyai ramai tenaga pakar dalam bidang penternakan kelulut hasil daripada aktiviti R&D lebih daripada 10 tahun.

“Penyelidik-penyelidik UMT telah terlibat dalam aktiviti penternakan Kelulut bermula pada tahun 2014. Plot koloni kelulut telah dibuka di kampus UMT di Bukit Kor dengan 30 koloni Kelulut.

“Bermula dari tahun tersebut, pelbagai koleksi Kelulut Indo-Malaya telah dikumpulkan untuk dijadikan sebagai Repositori Kelulut Indo-Malaya di Kampus UMT Bukit Kor. UMT juga telah menjalankan “programKelulutpreneur UMT” yang berperanan melatih mahasiswa UMT menjadi usahawan Kelulut berjaya,” katanya.

Menurut Profesor Dato' Nor Aieni, pada tahun 2018, UMT telah menjalankan Projek Translasi Kelulut bersama Komuniti petani di Kawasan Bukit Kor, dan pada tahun 2019, projek rintis komersial penternakan Kelulut di Bukit Kor telah dilaksanakan.

“Kami mempunyai Kumpulan Penyelidik Lebah dan Kelulut UMT yang ditubuhkan sejak tahun 2017 yang diketuai oleh Prof. Dr. Shamsul Bahri Abd Razak dan dianggotai oleh 20 penyelidikUMT dengan pelbagai kepakaran seperti *Stingless Bee Behavior, Quality of Honey, Food Microbiology, Population Genetics, Protein Chemistry, Product Development* dan lain-lain lagi.

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

“UMT juga merupakan satu-satunya universiti awam yang menubuhkan satu kumpulan berfokus bagi mencari jalan penyelesaian isu-isu berkaitan madu dan kelulut supaya industri kelulut Malaysia berkembang maju.

“Melalui kepelbagaian kepakaran ini, UMT dapat menghasilkan pelbagai kajian berkaitan Madu Kelulut yang lebih berfokus dan dapat menghasilkan produk yang berkualiti dan baik,” katanya.

Beliau percaya hasil kerjasama dengan Pharmaniaga akan meningkatkan lagi taraf industri madu kelulut di negara ini dan pada masa yang sama dapat membantu membaiki taraf sosioekonomi lebih ramai penternak madu kelulut yang kebanyakannya di kalangan B40.

Pharmaniaga adalah sayap perniagaan farmaseutikal untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan bersama-sama LTAT, merupakan pemegang-pemegang saham utama Syarikat.

-TAMAT-

MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti.

Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rantai perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

MENGENAI UMT

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah bermula sebagai Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) dengan sebuah Pusat Perikanan dan Sains Samudera pada tahun 1979, yang menyediakan kemudahan latihan pelajar Program

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

Perikanan dan Sains Samudera di samping menyediakan kemudahan penyelidikan untuk pensyarah.

Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad.

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03 3342 9999 sambungan 434 atau melalui emel zuhri@pharmaniaga.com